

Daripada : Unit Peperiksaan & Penerbitan
Kepada : Pensyarah UiTM Cawangan Pulau Pinang
Tarikh : 24 Jun 2025
No. Memo : HEA/2025 – 004(08)
Perkara : Pemakluman Pemarkahan Penilaian Berterusan Kepada Pelajar

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Merujuk kepada Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM Pindaan 2021, Perkara 5.2 serta surat pemakluman berkenaan *Structured Assessment Mechanism* (SAM), dimaklumkan bahawa semua pensyarah **MESTILAH** memaklumkan keputusan Penilaian Berterusan (*Continuous Assessment* - CA) dengan jelas kepada pelajar sebelum peperiksaan akhir dijalankan. Ketetapan ini adalah selaras dengan pelaksanaan pindaan syarat lulus kursus yang diperkenalkan mulai semester ini, yang bertujuan meningkatkan kualiti dan keberkesanan program akademik. Tindakan pemakluman ini penting bagi memastikan pelajar:


- ✓ Mengetahui prestasi semasa mereka dalam setiap kursus
- ✓ Membuat penambahbaikan atau mengambil tindakan susulan yang bersesuaian sebelum menduduki peperiksaan akhir

Pensyarah juga diminta merujuk kepada SAM yang dikeluarkan pada setiap semester bagi memastikan pematuhan terhadap blok penilaian yang telah ditetapkan. Maklumat tambahan lain adalah seperti berikut:

1. Markah penilaian berterusan **MESTILAH** dimaklumkan kepada pelajar bagi tujuan penambahbaikan prestasi **KECUALI** bagi:
 - 1.1 kursus yang bergred lulus/gagal
 - 1.2 kursus yang mempunyai 100% penilaian akhir; atau
 - 1.3 bahagian akhir penilaian bagi kursus yang mempunyai 100% penilaian berterusan.
2. Bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, semua pemarkahan penilaian berterusan **MESTILAH** dimaklumkan kepada pelajar pada **minggu ke – 13 atau 14** (kecuali kursus yang melibatkan projek akhir/exegesis/disertasi/tesis).
3. Bagi kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir, 30% – 70% markah penilaian berterusan **PERLU** dimaklumkan kepada pelajar **sebelum minggu ke – 14 tamat**.

Pematuhan kepada ketetapan ini adalah tanggungjawab semua warga akademik bagi memastikan amalan pentaksiran yang telus dan adil. Oleh yang demikian, pensyarah diminta untuk mengambil tindakan pemakluman kepada pelajar berdasarkan panduan yang telah ditetapkan. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Unit Peperiksaan & Penerbitan menerusi emel resexam@uitm.edu.my.

Sekian.



PROF. MADYA Ir. Ts. Dr. HAJAH SITI NORAINI SULAIMAN
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

MUKA SURAT 1/1